

Elak Perpecahan, Cari Titik Persamaan Demi Perpaduan Ummah, Kata Najib Bernama
15 November, 2012

PUTRAJAYA, 15 Nov (Bernama) -- Demi membina kekuatan dan perpaduan ummah, umat Islam perlu menyingkirkan sifat-sifat yang membawa perpecahan, sebaliknya mencari titik persamaan dan bukannya perbezaan serta berlaku adil dan ikhlas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata perpaduan memerlukan pengorbanan, keikhlasan dan semangat penerimaan yang mendalam; mencari kebaikan bukan keburukan, kesempurnaan bukan kecacatan; sentiasa meraikan, memuji, menasihati, menegur; dan jauh sekali meminggir, memaki, menghina atau pun menfitnah.

"Ia sejajar dengan sifat mulia yang diamalkan kaum Muhajirin dan Ansar. Sesungguhnya kejayaan terbesar Hijrah ialah perpaduan tulen antara kedua-dua kaum, perpaduan bukanlah sesuatu yang mudah tetapi tidak mustahil berlaku kerana telah dibuktikan di dalam peristiwa Hijrah itu sendiri.

"Sifat mulia kaum Muhajirin ialah mereka menerima dan bersyukur dengan apa yang ada kerana mereka tidak membawa apa-apa sewaktu berhijrah," katanya semasa berucap sempena sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan di sini hari ini.

Turut hadir bekas perdana menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa.

Perdana Menteri berkata untuk memastikan maksud Hijrah itu berjaya, proses melaksanakan transformasi negara juga berlandaskan beberapa syarat atau kriteria.

"Ia mesti bersifat dinamik dan stabil, dalam melakukan perubahan sudah dikekalkan nilai-nilai murni seperti akidah, syariah dan akhlak mulia," katanya sambil menegaskan bukan perubahan yang membawa kepada kemudaratan dan keruntuhan akidah dengan mengambil contoh isu terkini iaitu mengenai tiada paksaan dalam beragama.

"Isu tersebut boleh menimbulkan kekeliruan akidah yang amat serius dalam masyarakat, ia mesti dibetulkan dan tidak boleh dibenarkan fahaman liberalisme seperti itu menular dalam masyarakat," katanya.

Kriteria lain yang turut diambil kira, katanya ialah berpandu prinsip wasatiyyah yakni seimbang, adil, saksama dan tidak melampau untuk mencapai objektif kecemerlangan.

"Sesungguhnya penghayatan konsep itu bukan sahaja boleh membawa kejayaan dalam konteks perpaduan ummah tetapi juga dalam konteks perpaduan nasional dengan bukan Islam, malah kejayaan di peringkat serantau serta dunia turut mampu dipertingkatkan," katanya.

Najib berkata selain menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh serta memberi rahmat kepada semua manusia tanpa mengira bangsa dan agama, transformasi juga mesti dilakukan secara inklusif yakni melibatkan rakyat di setiap peringkat sebagaimana peristiwa Hijrah.

"Semua mempunyai peranan masing-masing, golongan tua dan muda, lelaki dan wanita, termasuk juga masyarakat bukan Islam," katanya.

Dalam konteks negara, hal itu amat jelas dan telah dipraktikkan dengan kejayaan demi kejayaan telah dicapai berkat perpaduan dan kesatuan yang kukuh, katanya dan justeru itu beliau berharap tema Maal Hijrah pada kali ini iaitu ❖Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah❖ akan benar-benar menjadi kenyataan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709292>